

UCAPAN PERDANA MENTERI KEPADA  
PESERTA-PESERTA KURSUS GERAKAN  
PEMBAHARUAN/JAWATANKUASA KEMA-  
JUAN KAMPUNG NEGERI PAHANG, DI  
KEDIAMAN MENTERI BESAR PAHANG,  
KUANTAN, PAHANG, PADA 24<sup>HB</sup> NOVEM-  
BER, 1973

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saudara Pengerusi, Y.A.B. Datuk Haji Abdul Aziz, Menteri Besar Pahang, Saudara-saudara sekalian,

Saya sukacita dan bersyukur kerana dapat berjumpa mata dengan saudara-saudara yang datang menyertai Kursus Gerakan Pembaharuan/Jawatankuasa Kemajuan Kampung dan bercakap sepatah dua kepada saudara-saudara sekalian. Tidak berapa lama dahulu, saya telah berpeluang berjumpa dengan para peserta kursus dari seluruh Negeri Kedah dan Perlis. Dalam bidang lawatan ke Pahang kali ini saya berpeluang menemui saudara-saudara dari seluruh Pahang pula. Saya ucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Gerakan Pembaharuan Negeri Pahang yang telah berusaha menyediakan kursus latihan ini.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti yang saudara-saudara sedia maklum, usaha-usaha pembangunan sedang berjalan dengan penuh giat di seluruh negara termasuk di Negeri Pahang—dari daerah-daerah hingga ke kampung-kampung. Selama pembangunan ini dijalankan, saya percaya tidak ada sebuah pun kampung dalam negeri ini yang terkecuali—boleh dikatakan semua mendapat sedikit sebanyak nikmat pembangunan samada yang jauh di hulu sungai seperti Kampung Bantal ataupun kampung nelayan di Pulau Tioman hatta kampung-kampung orang asli di rimba pedalaman.

Bagaimanapun, kemajuan pembangunan dari segi mengadakan physical infrastructure seperti jalan, taliair, sekolah, kelinik, masjid, bekalan air minum dan api letrik hanyalah sebahagian dari apa yang kita kehendaki. Tidak dinafikan kemudahan-kemudahan ini menyenangkan kehidupan di kampung-kampung,

menjamin persekolahan anak-anak dan juga kesihatan keluarga petani-petani. Pendek kata, kemajuan pada segi ini setakat yang telah dicapai hingga sekarang amatlah memuaskan.

Akan tetapi, tujuan kita yang hendak lebih diutamakan pada masa ini di samping membasmikan kemiskinan dan meninggikan pendapatan dan taraf hidup rakyat, dari semua bangsa ialah matlamat Kerajaan supaya kaum Bumiputra dapat menyertai sekurang-kurang 30% kegiatan perdagangan dan perusahaan dalam semua jenis dan pada semua peringkat dalam tempoh dua puluh tahun. Dengan ini kita berharap dapat memastikan pemilikan modal (capital ownership) kaum Bumiputra sebanyak 30% menjelang tahun 1990.

Saudara-saudara sekalian,

Begitulah dengan cara ringkasnya cita-cita disebalik Dasar Ekonomi Baru Kerajaan yang pada jangka panjangnya membina masyarakat adil, makmur dan bahagia di negara ini. Untuk tujuan ini, Kerajaan akan terus melipatgandakan usaha-usaha pembangunan dan menjalankan segala upaya supaya kaum Bumiputra dapat menikmati kedudukan yang lebih saksama berbanding dengan kaum-kaum lain di negara ini. Hakikat ini akan lebih nyata kalau dilihat bahawa pendapatan penduduk-penduduk luar bandar yang sebahagian besarnya adalah kaum Bumiputra pukul rata ialah sebanyak \$155 sebulan berbanding dengan \$285 bagi penduduk-penduduk di bandar.

Jelaslah dari angka-angka ini bahawa tumpuan perhatian yang utama ialah meninggikan pendapatan kaum Bumiputra dan serentak dengan itu juga pendapatan penduduk-penduduk luar bandar supaya terdapat perimbangan yang lebih saksama antara penduduk-penduduk luar bandar dan penduduk-penduduk bandar. Inilah yang dikatakan tapak untuk membina masyarakat Malaysia yang adil di mana kekayaan negara dibahagikan dengan lebih saksama supaya dapat menjamin kesetabilan dan perpaduan.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam hubungan inilah, pada hemat saya, peranan saudara-saudara yang dipilih menjadi anggota-anggota Jawatankuasa Kemajuan Kampung dianggap amat penting oleh kerana Jawatankuasa Kemajuan Kampung ini bolehlah disifatkan sebagai jentera

penggerak aktiviti luar bandar—kaum tani, nelayan dan orang-orang kampung amnya. Kita maklum bahawa kejayaan rancangan-rancangan Kerajaan adalah bergantung kepada penyertaan dan involvement rakyat kerana dalam usaha mengubah sikap dan cara hidup mereka, adalah mustahak mereka sendiri sedia dan sanggup menerima perubahan. Gerakan Pembaharuan yang saya lancarkan tahun lalu bermaksud memberikan nafas baru kepada usaha-usaha pembangunan luar bandar supaya membawa kemajuan yang lebih pesat dan memberikan kehidupan yang lebih sempurna.

Di masa-masa yang lalu, Jawatankuasa Kemajuan Kampung telah memberikan sumbangan yang berharga terhadap kemajuan pembangunan dan saya percaya dalam bentuknya yang baru ini Jawatankuasa Kemajuan Kampung akan terus memberikan khidmat bakti yang cemerlang demi kebaikan rakyat kita di kampung-kampung seluruh negeri. Tambahan pula, saudara-saudara sendiri pun adalah dari kampung dan faham benar-benar akan cita-cita dan harapan orang-orang kita serta masalah yang dihadapi mereka sehari-hari. Jadi selain dari tugas sebagai jambatan penyambung antara rakyat dengan pihak berkuasa, baik daerah atau negeri, saya ingin menekankan peranan baru sebagai Pelopor atau catalyst yang sentiasa berada di hadapan serta memberikan contoh yang baik kepada rakyat di kampung amnya.

Saya telah mengarahkan Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri dan Pegawai-pegawai Daerah supaya bersama-sama memberikan perhatian terhadap perjalanan Jawatankuasa Kemajuan Kampung dan memberitahu saya dari semasa ke semasa tentang kemajuannya, samada mereka betul-betul aktif menjalankan tugas masing-masing ataupun tidak. Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri dan Pegawai-pegawai Daerah akan lebih kerap melawat ke kampung-kampung untuk memberi nasihat dan pimpinan kepada Jawatankuasa Kemajuan Kampung di tempat itu dan membantu mereka menghuraikan apa-apa masalah yang timbul. Oleh kerana memandangkan pada keperluan inilah maka Kerajaan telahpun mengadakan jawatan Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan Masyarakat) yang khusus akan bertugas membimbing Jawatankuasa Kemajuan Kampung menunaikan kewajipan dan tanggungjawab mereka. Saya percaya dan berharap saudara-saudara akan bekerjasama dan bersedia menerima tunjuk ajar pegawai-pegawai yang berkenaan supaya Jawatankuasa Kemajuan Kampung ini berjalan dengan licin dan sempurna.

Saudara-saudara sekalian,

Hari ini masalah besar yang dihadapi oleh rakyat di kampung-kampung ialah soal persekolahan anak-anak, kesihatan keluarga kita, cara kehidupan dan peluang-peluang pekerjaan bagi belia-belua. Saya ingin saudara-saudara menumpukan perhatian terhadap masalah-masalah ini dan dengan demikian mendidik orang-orang kita supaya mengubah sikap dan menerima nilai-nilai baru sesuai dengan kemajuan manusia moden. Inilah intisari Gerakan Pembaharuan yang pada muktamadnya menjadikan orang-orang kita khasnya Bumiputra manusia baru dalam context ekonomi, sosial dan kesedaran politik.

Saya suka mengulangi iaitu Kerajaan akan terus meningkatkan dayausaha untuk menggalak penyertaan rakyat di kampung-kampung dalam usaha pembangunan yang akan membawa perubahan dan kemajuan untuk mereka. Semangat berlumba-lumba dan ingin maju hendaklah terus dipupuk supaya orang-orang kita muncul ke depan dalam semua lapangan hidup baik di bidang pertanian, perikanan, perdagangan ataupun perusahaan. Bahkan kita ingin melihat kemajuan ini meningkat ke lapangan perindustrian meski pun secara kecil pada permulaannya.

Bagi tujuan ini, Kerajaan telahpun menubuhkan beberapa agensi baru di samping yang sedia ada—umpamanya Lembaga Pertubuhan Peladang, Majuikan, FIMA dan Bank Pembangunan pula tidak lama lagi. Semua ini akan sia-sia saja jika rakyat tidak digerakkan supaya menggunakan kemudahan-kemudahan itu sepenuhnya. Di Pahang dua perbadanan baru Kerajaan telah ditubuhkan iaitu Syarikat Perkayuan dan Syarikat Perdagangan di samping badan-badan yang ada seperti Lembaga Perusahaan Pertanian, Lembaga Kemajuan Negeri, Perbadanan Jengka dan rancangan besar-besaran yang sedang berjalan di Pahang Tenggara. Semua ini ialah untuk membuka peluang baru bagi orang-orang kita di Pahang ini supaya bersama-sama menikmati kekayaan yang diberikan Allah kepada kita.

Saudara-saudara sekalian,

Ada pepatah berkata "Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan" dan dalam hubungan ini saya suka menegaskan sekali lagi bahawa tugas Jawatankuasa Kampung yang lebih besar dan utama ialah menanamkan kemahuan ingin maju ini di hati sanubari kaum tani, buruh dan nelayan di kampung supaya mereka bergerak mengejar taraf hidup moden dan lebih sempurna.

Saya yakin saudara-saudara akan benar-benar menunaikan peranan sebagai pemaju atau catalyst bukan saja pada kata-kata bahkan dibuktikan pula oleh perbuatan dan amalan kita sendiri. Tidak ada pimpinan yang lebih berkesan kecuali kalau orang yang memimpin itu memberikan contoh tauladan yang baik dengan cara mereka sendiri mempunyai rumahtangga yang teratur baik dan jaya dalam usaha-usaha yang dikerjakan untuk kehidupan sehari-hari. Mereka bukan saja hidup dengan sempurna tetapi ingin melihat anak-anak mereka lebih maju setelah mendapat pelajaran tinggi dan pekerjaan yang lebih baik samada dengan kerajaan ataupun swasta.

Saudara-saudara sekalian,

Tidak syak lagi kursus yang saudara-saudara hadiri ini akan memberi munafaat yang besar dan pengetahuan yang saudara-saudara dapati di sini bolehlah dipanjangkan kepada orang-orang kita di kampung supaya mereka juga mendapat faedah darinya. Saya difahamkan ada antara peserta-peserta Kursus ini akan dipilih pula untuk mengikuti kursus yang lebih tinggi di Kuala Lumpur kelak dan di situ mereka akan berpeluang melihat kemajuan dan perkembangan sekitar Ibu Negara kita. Dengan lebih luasnya pandangan serta lebih masak pengalaman, saudara saudara akan dapat memberikan pimpinan yang lebih baik sebagai pelopor kemajuan dan pembangunan dalam ertikata yang sebenarnya.

Saya ucapkan selamat berkursus dan terus mara menggembelingkan tenaga untuk kejayaan.